

Soalan Objektif

1. Apakah gelaran yang digunakan oleh Raja-raja Funan?

A Kurung Bnam
B Dewa Siva
C Dewaraja
D Maharaja

2. Maklumat di bawah menunjukkan sistem pemerintahan sebuah kerajaan Alam Melayu.

- Raja dibantu oleh Yuvaraja, Pratiyavaraja dan Rajakumara.
- Pentadbiran wilayah terbahagi kepada Kedutaan dan Pradutaan.

Apakah kerajaan Alam Melayu tersebut?

A Kerajaan Angkor
B Kerajaan Funan
C Kerajaan Srivijaya
D Kerajaan Champa

3. Antara berikut, apakah pernyataan yang betul tentang sistem pemerintahan wilayah kerajaan Majapahit?

A Kerajaan dibahagikan kepada lima wilayah.
B Ketua wilayah terdiri daripada Raja Kecil.
C Kerajaan dibahagikan kepada daerah dan kampung.
D Setiap wilayah dipecahkan kepada Kabupaten, Kawadanan, Pakuwuan dan Kebuyutan.

4. Apakah peranan Ketua Air di setiap kampung dalam kerajaan Champa?

A Menyelenggarakan terusan dan daik
B Mengairi padi sawah
C Membekalkan air untuk kegunaan domestik
D Membina sistem pengairan

5. Apakah rempah-ratus yang terdapat di Alam Melayu?

I Bunga cengkih
II Buah pala
III Teh
IV Lada hitam
A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

6. Pilih padanan yang betul mengenai pelabuhan di kerajaan Alam Melayu.

	Kerajaan	Pelabuhan
A	Funan	Sri Banoy
B	Angkor	Surabaya
C	Gangga Nagara	Pangkalan Bujang
D	Kedah Tua	Sungai Mas

7. Apakah barangan yang dibawa oleh para pedagang India ke Alam Melayu?

A Kain kapas
B Minyak wangi
C Kain sutera
D Barangan kaca

8. Pedagang manakah yang membawa payung dan gendang ke Alam Melayu?

A India C Arab
B China D Parsi

9. Apakah hasil bumi di kerajaan Alam Melayu yang boleh digunakan sebagai bahan perubatan?

I Gaharu
II Kapur barus
III Gamat
IV Sarang burung layang-layang
A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

10. Masyarakat kerajaan manakah mahir dalam pembuatan cuka kelapa?

A Majapahit C Angkor
B Funan D Champa

11. Apakah kegiatan perlombongan yang dijalankan di kerajaan Champa?

I Bijih besi
II Bijih timah
III Emas
IV Perak
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV